

CADANGAN MENGGUNAKAN ASNAF FISABILILLAH UNTUK TAMBAHAN KOS PROMOSI DAN PEMBUKAAN KAUNTER

Keputusan :

- 1.** Mesyuarat Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (FATWA) Negeri Selangor telah membuat keputusan bahawa Pusat Zakat Selangor perlu membawa Kertas Cadangan kepada Lembaga Pengarah, Pusat Zakat Selangor kerana ia melibatkan perkara dasar.

- 2.** Keputusan ini adalah berdasarkan hujah-hujah seperti berikut :
 - i.** Pusat Zakat Selangor terlebih dahulu disarankan mambawa kertas cadangan ini kepada Mesyuarat Lembaga Pengarah Pusat Zakat Selangor kerana ia melibatkan perkara dasar kepada Pusat Zakat Selangor.
 - ii.** Pusat Zakat Selangor juga disaran agar menjalankan kajian dengan lebih jelas dari segi perancangan yang ingin dilaksanakan.
 - iii.** Disamping itu juga bagi tujuan promosi kepada masyarakat, Pusat Zakat Selangor dicadangkan menggunakan kemudahan-kemudahan yang sedia ada seperti :
 - a. Masjid-masjid
 - b. Televisyen (Slot daripada JAKIM)
 - c. Majalah-majalah
 - d. Internet
 - e. Membuat sidang akhbar